

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(STPM)**

EKONOMI
Sukatan Pelajaran dan Kertas Soalan Contoh

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, berketerampilan, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”

PRAKATA

Sukatan Pelajaran Ekonomi yang baharu ini digubal untuk menggantikan Sukatan Pelajaran Ekonomi sedia ada yang telah digunakan semenjak peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia pada tahun 2003. Sukatan pelajaran yang baharu ini akan mula digunakan pada tahun 2012. Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia pada tahun tersebut akan menjadi peperiksaan pertama yang menggunakan sukatan pelajaran ini. Penggubalan semula Sukatan Pelajaran Ekonomi ini mengambil kira perubahan yang hendak dilakukan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia terhadap sistem peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia yang sedia ada. Melalui sistem peperiksaan yang baharu ini, pengajian di tingkatan enam akan dibahagikan kepada tiga penggal dan calon akan menduduki peperiksaan pada setiap akhir penggal. Tujuan utama Majlis Peperiksaan Malaysia memperkenalkan sistem peperiksaan yang baharu ini adalah untuk memperbaiki orientasi pengajaran dan pembelajaran di tingkatan enam supaya tidak jauh berbeza dengan orientasi pengajaran dan pembelajaran di kolej dan universiti.

Penggubalan semula Sukatan Pelajaran Ekonomi ini merupakan proses pengemaskinian tajuk, kandungan, dan kemahiran supaya selaras dengan perkembangan semasa. Sukatan pelajaran yang baharu ini mengalami sedikit perubahan di mana beberapa tajuk baharu dimasukkan dalam sukatan seperti tajuk industri kecil dan sederhana. Selain itu, sukatan pelajaran ini juga memberi penekanan dalam aspek meningkatkan kemahiran menulis, mencari dan menganalisis maklumat, menyelesaikan masalah, dan berkomunikasi secara berkesan dalam kalangan calon. Sehubungan dengan itu, adalah diharapkan agar sukatan pelajaran ini dapat menghasilkan calon prauniversiti yang berfikiran matang, berpengetahuan luas, dan berupaya untuk menyampaikan idea secara berkesan dengan menggunakan pelbagai bentuk komunikasi. Selain itu, sukatan pelajaran ini juga mewajibkan calon menjalankan kajian luar. Pentaksirannya dibuat melalui penghasilan Kerja Projek. Aspek ini difikirkan penting kerana melalui kajian luar, calon bukan sahaja belajar untuk menguasai ilmu tertentu tetapi juga akan dapat menerapkan kemahiran insaniah ke dalam diri mereka melalui pengalaman yang ditempuhi semasa menyiapkan kajian tersebut. Pengalaman ini akan membantu calon dalam melaksanakan kajian luar pada peringkat yang lebih tinggi pada masa hadapan.

Sukatan pelajaran ini mengandungi tajuk, waktu pengajaran, dan hasil pembelajaran mengikut penggal, di samping bentuk peperiksaan, pemerihalan prestasi, dan soalan contoh.

Usaha menggubal sukatan pelajaran ini telah dilaksanakan oleh jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Y. Bhg. Profesor Dr. Mansor bin Jusoh dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Anggota jawatankuasa yang lain terdiri daripada beberapa orang pensyarah dari universiti tempatan, wakil dari Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia dan guru-guru yang berpengalaman dalam mengajar mata pelajaran Ekonomi. Bagi pihak Majlis Peperiksaan Malaysia, saya merakamkan ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada jawatankuasa ini atas khidmat yang telah diberikan. Oleh yang demikian, adalah menjadi harapan Majlis Peperiksaan Malaysia agar sukatan pelajaran ini menjadi panduan kepada guru dan calon dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Semoga pelaksanaan sukatan pelajaran ini berjaya mencapai matlamatnya.

Ketua Eksekutif
Majlis Peperiksaan Malaysia

KANDUNGAN

Sukatan Pelajaran 944 Ekonomi

	<i>Halaman</i>
Matlamat	1
Objektif	1
Kandungan	
Penggal 1	2 – 13
Penggal 2	14 – 22
Penggal 3	23 – 29
Kerja Kursus – Kerja Projek	30 – 31
Skim Pentaksiran	32 – 33
Senarai Rujukan	34
Kertas Soalan Contoh:	
Kertas 1	35 – 46
Kertas 2	47 – 58
Kertas 3	59 – 64
Kertas 4	65 – 66

SUKATAN PELAJARAN
944 EKONOMI

Matlamat

Sukatan pelajaran Ekonomi bertujuan untuk membolehkan pelajar memahami dan menguasai ilmu ekonomi pada tahap prauniversiti. Justeru, pelajar dapat menganalisis dan membuat penilaian tentang isu ekonomi yang mempengaruhi kehidupan masyarakat dan negara dalam persekitaran yang dinamik. Sukatan pelajaran ini juga bertujuan untuk membolehkan pelajar melanjutkan pengajian dalam bidang ini ke peringkat yang lebih tinggi.

Objektif

Sukatan pelajaran Ekonomi bertujuan untuk membolehkan pelajar

- (a) memahami konsep dan teori ekonomi;
- (b) menyedari dan membincangkan masalah dan isu ekonomi semasa;
- (c) mengumpul maklumat ekonomi daripada pelbagai sumber, menganalisis, dan membuat penilaian secara berkesan;
- (d) menggunakan jadual, gambar rajah, dan persamaan untuk menganalisis konsep dan teori ekonomi;
- (e) menyampaikan maklumat dan idea ekonomi dalam bentuk yang sesuai;
- (f) memperoleh kemahiran insaniah melalui pembelajaran sendiri.

Penggal 1

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
<p>A: MIKROEKONOMI</p> <p>1 Pengenalan</p> <p>1.1 Definisi ilmu ekonomi</p> <p>1.2 Sumber ekonomi (faktor pengeluaran)</p> <p>1.3 Kehendak manusia</p> <p>1.4 Masalah asas ekonomi</p>	<p>16</p>	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mentakrifkan ilmu ekonomi sebagai kajian tentang bagaimana sumber terhad digunakan bagi memenuhi kehendak manusia yang tidak terhad;</p> <p>(b) menggariskan perbezaan antara mikroekonomi dengan makroekonomi.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) memerihalkan sumber ekonomi, iaitu tanah, buruh, modal, dan usahawan (menyatakan peranan teknologi bagi mempengaruhi sumber ekonomi).</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) memerihalkan barang (termasuk perkhidmatan) berdasarkan barang percuma dan barang ekonomi, barang awam dan barang persendirian, barang modal, barang perantaraan, dan barang pengguna;</p> <p>(b) menggariskan perkaitan antara sumber/faktor pengeluaran dengan barang ekonomi;</p> <p>(c) menjelaskan konsep kehendak tidak terhad dan sumber terhad.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menjelaskan konsep kekurangan, pilihan, dan kos lepas dalam aspek penggunaan barang dan sumber;</p>	<p>Teknologi sebagai pemangkin kepada proses pengeluaran</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
1.5 Keluk kemungkinan pengeluaran		<p>(b) menjelaskan masalah asas ekonomi, iaitu apa dan berapa, bagaimana dan untuk siapa barang dikeluarkan.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mentakrifkan keluk kemungkinan pengeluaran dalam konteks kapasiti pengeluaran sebuah ekonomi;</p> <p>(b) menggunakan keluk kemungkinan pengeluaran untuk menghuraikan masalah kekurangan, pilihan, dan kos lepas;</p> <p>(c) menghitung kos lepas, membina jadual, dan melukis keluk kemungkinan pengeluaran bagi kos lepas malar dan kos lepas meningkat;</p> <p>(d) menganalisis kesan perubahan anugerah sumber, teknologi, dan komposisi barang modal dan barang pengguna terhadap kapasiti pengeluaran dan keluk kemungkinan pengeluaran;</p> <p>(e) mengilustrasi kewujudan pengangguran, agihan barang, dan pertumbuhan ekonomi dengan menggunakan keluk kemungkinan pengeluaran.</p>	
1.6 Sistem ekonomi		<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menggariskan kriteria asas yang membezakan sistem ekonomi, iaitu sistem pemilikan, sistem membuat keputusan tentang peruntukan sumber dan agihan pendapatan serta sistem insentif;</p>	

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
1.6.1 Ekonomi pasaran bebas, ekonomi perancangan pusat, ekonomi campuran, dan ekonomi Islam		(b) menghuraikan ciri-ciri sistem ekonomi pasaran bebas, sistem ekonomi perancangan pusat, sistem ekonomi campuran, dan sistem ekonomi Islam berdasarkan kriteria asas;	Kriteria asas: sistem pemilikan, sistem membuat keputusan tentang peruntukan sumber dan agihan pendapatan serta sistem insentif
1.6.2 Pasaran dan penyelesaian masalah asas ekonomi		(c) menggariskan sistem ekonomi yang diamalkan di Malaysia;	
2 Pasaran Barang dan Harga		(d) membincangkan bagaimana pasaran menyelesaikan masalah asas ekonomi;	Sektor ekonomi pasaran bebas
		(e) menjelaskan kebaikan dan kelemahan pasaran serta perlunya campur tangan kerajaan.	
2.1 Permintaan	40	Calon seharusnya dapat:	
2.1.1 Faktor yang mempengaruhi permintaan		(a) mentakrifkan permintaan;	Fokus kepada permintaan pasaran sahaja. Perbezaan permintaan individu dengan permintaan pasaran tidak perlu dijelaskan.
		(b) menjelaskan keluk permintaan dan hukum permintaan;	Menggariskan sebab keluk permintaan bercerun negatif
		(c) menggunakan rumus dan jadual untuk menjelaskan hubungan antara harga dengan kuantiti diminta;	
		(d) melukis keluk permintaan berdasarkan jadual dan rumus permintaan;	
		(e) menghuraikan faktor yang mempengaruhi permintaan;	
		(f) membezakan perubahan kuantiti diminta dengan perubahan permintaan.	

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
2.2 Penawaran		Calon seharusnya dapat: (a) mentakrifkan penawaran; (b) menjelaskan keluk penawaran dan hukum penawaran; (c) menggunakan rumus dan jadual untuk menjelaskan hubungan antara harga dengan kuantiti ditawarkan; (d) melukis keluk penawaran berdasarkan jadual dan rumus penawaran; (e) menghuraikan faktor yang mempengaruhi penawaran; (f) membezakan perubahan kuantiti ditawar dengan perubahan penawaran.	Fokus kepada penawaran pasaran sahaja. Perbezaan penawaran firma dengan penawaran pasaran tidak perlu dijelaskan. Menggariskan sebab keluk penawaran bercerun positif
2.2.1 Faktor yang mempengaruhi penawaran			
2.3 Keseimbangan pasaran		Calon seharusnya dapat:	
2.3.1 Penentuan keseimbangan		(a) mentakrifkan keseimbangan pasaran; (b) menjelaskan bagaimana permintaan dan penawaran pasaran menentukan tingkat harga dan kuantiti keseimbangan; (c) menjelaskan konsep lebihan atau kekurangan permintaan dan penawaran; (d) menghitung kuantiti dan harga keseimbangan dengan menggunakan rumus, jadual, dan gambar rajah;	Kuantiti diminta sama dengan kuantiti ditawarkan. Harga yang ditawarkan oleh penjual sama dengan harga yang sanggup dibayar oleh pengguna.
2.3.2 Perubahan keseimbangan		(e) menerangkan perubahan keseimbangan pasaran yang disebabkan oleh perubahan permintaan atau/dan perubahan penawaran;	

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
2.4 Lebih pengguna dan lebih pengeluar		<p>(f) menghitung perubahan kuantiti dan harga keseimbangan dengan menggunakan rumus, jadual dan gambar rajah.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mentakrifkan lebih pengguna dan lebih pengeluar;</p> <p>(b) menghitung lebih pengguna dan lebih pengeluar dengan menggunakan jadual dan gambar rajah.</p>	
2.5 Keanjalan permintaan		Calon seharusnya dapat:	
2.5.1 Keanjalan permintaan harga		<p>(a) mentakrifkan keanjalan permintaan harga;</p> <p>(b) menggunakan rumus untuk menghitung keanjalan permintaan harga dan mentafsirkan nilai keanjalan;</p> <p>(c) membezakan pelbagai darjah keanjalan permintaan harga;</p> <p>(d) menjelaskan hubungan antara jumlah perbelanjaan dengan darjah keanjalan permintaan harga;</p>	Keanjalan titik sahaja
2.5.2 Keanjalan permintaan silang		<p>(e) mentakrifkan keanjalan permintaan silang;</p> <p>(f) menggunakan rumus untuk menghitung keanjalan permintaan silang dan mentafsirkan nilai keanjalan;</p> <p>(g) mengelaskan jenis barang berdasarkan nilai pekali keanjalan permintaan silang;</p>	Anjal, tak anjal, anjal satu, anjal sempurna, dan tak anjal sempurna
2.5.3 Keanjalan permintaan pendapatan		<p>(h) mentakrifkan keanjalan permintaan pendapatan;</p> <p>(i) menggunakan rumus untuk menghitung keanjalan permintaan pendapatan dan mentafsirkan nilai keanjalan;</p>	Barang penggenap, barang pengganti, barang bukan penggenap atau barang bukan pengganti

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
<p>2.5.4 Faktor yang mempengaruhi keanjalan permintaan harga</p> <p>2.6 Keanjalan penawaran</p> <p>2.6.1 Faktor yang mempengaruhi keanjalan penawaran</p> <p>2.7 Campur tangan kerajaan dalam pasaran</p>		<p>(j) mengelaskan jenis barang berdasarkan nilai pekali keanjalan permintaan pendapatan;</p> <p>(k) menghuraikan faktor yang mempengaruhi keanjalan permintaan harga.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mentakrifkan keanjalan penawaran;</p> <p>(b) menggunakan rumus untuk menghitung nilai keanjalan penawaran dan mentafsirkan nilai keanjalan;</p> <p>(c) membezakan pelbagai darjah keanjalan penawaran;</p> <p>(d) menghuraikan faktor yang mempengaruhi keanjalan penawaran.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menganalisis kesan cukai, subsidi, dan dasar penetapan harga terhadap harga dan kuantiti, beban pengguna dan beban pengeluar dengan menggunakan gambar rajah dan rumus.</p>	<p>Barang normal Barang mewah Barang mesti Barang bawahan</p> <p>Anjal dan tak anjal</p> <p>Fokus kepada: Cukai per unit barang (cukai spesifik) Subsidi kepada pengeluar sahaja. Dasar harga maksimum dan dasar harga minimum.</p>
<p>3 Teori Pengeluaran dan Kos Pengeluaran</p> <p>3.1 Firma dan industri</p> <p>3.2 Fungsi pengeluaran</p>	<p>16</p>	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menjelaskan maksud firma dan industri.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menjelaskan konsep fungsi pengeluaran;</p>	

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
3.2.1 Fungsi pengeluaran satu input berubah		<p>(b) membezakan input tetap dengan input berubah;</p> <p>(c) membezakan konsep jangka pendek dengan jangka panjang dalam pengeluaran;</p> <p>(d) menjelaskan konsep jumlah keluaran (<i>TP</i>), keluaran purata (<i>AP</i>), dan keluaran sut (<i>MP</i>);</p> <p>(e) menghitung dan melukis keluk jumlah keluaran, keluk keluaran sut, dan keluk keluaran purata;</p> <p>(f) menjelaskan hubungan antara jumlah keluaran, keluaran sut, dan keluaran purata;</p> <p>(g) menerangkan hukum pulangan berkurangan.</p>	Menggunakan jadual dan keluk
3.3 Kos pengeluaran		Calon seharusnya dapat:	
3.3.1 Kos pengeluaran jangka pendek		<p>(a) mentakrifkan kos pengeluaran;</p> <p>(b) membezakan kos eksplisit dengan kos implisit;</p> <p>(c) mentakrifkan kos pengeluaran jangka pendek;</p> <p>(d) membezakan kos tetap dengan kos berubah;</p> <p>(e) membezakan kos purata dengan kos sut;</p> <p>(f) menghitung kos dan melukis gambar rajah keluk kos;</p> <p>(g) menjelaskan hubungan antara keluk-keluk kos;</p> <p>(h) menerangkan sebab keluk kos purata berbentuk 'U';</p>	<p>Kos tetap, kos berubah, jumlah kos, kos tetap purata, kos berubah purata, kos purata, dan kos sut dengan menggunakan jadual dan rumus</p> <p>Kaitkan hukum pulangan berkurangan</p>
<i>Tajuk</i>	<i>Waktu</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>

	<i>Pengajaran</i>		
<p>3.3.2 Kos pengeluaran jangka panjang</p> <p>3.4 Ekonomi bidangan dan tak ekonomi bidangan</p>		<p>(i) mentakrifkan kos pengeluaran jangka panjang;</p> <p>(j) menjelaskan perkaitan antara keluk kos purata jangka panjang dengan keluk kos purata jangka pendek.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mentakrifkan ekonomi bidangan dan tak ekonomi bidangan;</p> <p>(b) mentakrifkan ekonomi bidangan dalaman dan tak ekonomi bidangan dalaman;</p> <p>(c) mengenal pasti faktor yang mewujudkan ekonomi bidangan dalaman dan tak ekonomi bidangan dalaman;</p> <p>(d) mentakrifkan ekonomi bidangan luaran dan tak ekonomi bidangan luaran;</p> <p>(e) mengenal pasti faktor yang mewujudkan ekonomi bidangan luaran dan tak ekonomi bidangan luaran;</p> <p>(f) menjelaskan kesan ekonomi bidangan dan tak ekonomi bidangan terhadap bentuk dan peralihan keluk kos purata jangka panjang.</p>	<p>Keluk kos purata jangka panjang berbentuk 'U'.</p>
<p>4 Struktur Pasaran, Penentuan Harga, dan Output</p> <p>4.1 Konsep hasil dan untung</p> <p>4.2 Struktur pasaran</p>	<p>28</p>	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mentakrifkan konsep hasil dan untung;</p> <p>(b) membezakan untung ekonomi dengan untung perakaunan;</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menggariskan jenis pasaran persaingan sempurna dan pasaran persaingan tak sempurna.</p>	
<i>Tajuk</i>	<i>Waktu</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>

	<i>Pengajaran</i>		
4.3 Pasaran persaingan sempurna		Calon seharusnya dapat:	
4.3.1 Penentuan output firma jangka pendek		(a) mentakrif pasaran persaingan sempurna dan menghuraikan cirinya;	
		(b) menjelaskan bentuk keluk permintaan, keluk hasil purata, dan keluk hasil sut firma;	Membezakan keluk permintaan firma dengan keluk permintaan pasaran
		(c) menentukan output keseimbangan dengan menggunakan pendekatan hasil sut sama dengan kos sut ($MR = MC$);	Menggunakan gambar rajah dan jadual
		(d) mengillustrasi untung lebih normal, untung normal, rugi, dan penutupan firma;	Menggunakan gambar rajah
		(e) menghitung jumlah hasil, hasil purata, hasil sut, untung, dan rugi firma;	Menggunakan jadual dan rumus
4.3.2 Penentuan keseimbangan jangka panjang		(f) menerangkan maksud keseimbangan firma jangka panjang;	
		(g) menerangkan bagaimana firma mencapai keseimbangan.	Proses mencapai untung normal
4.4 Pasaran monopoli		Calon seharusnya dapat:	
		(a) mentakrif pasaran monopoli dan menghuraikan cirinya;	
		(b) menerangkan faktor yang boleh mewujudkan monopoli;	
4.4.1 Penentuan output keseimbangan		(c) menjelaskan bentuk keluk permintaan, hasil purata, dan hasil sut bagi pasaran monopoli;	
		(d) menentukan output dan harga keseimbangan dengan menggunakan pendekatan hasil sut sama dengan kos sut ($MR = MC$);	Menggunakan gambar rajah

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
--------------	--------------	---------------------------	----------------

	<i>Pengajaran</i>		
4.4.2 Monopoli semula jadi		(e) menghitung untung dan rugi pasaran monopoli; (f) menerangkan maksud monopoli semula jadi;	Menggunakan jadual dan rumus
4.4.3 Perbandingan antara pasaran persaingan sempurna dengan pasaran monopoli		(g) menentukan output dan harga keseimbangan monopoli semula jadi;	Menggunakan gambar rajah
4.4.4 Dasar kawalan monopoli		(h) membandingkan kedua-dua pasaran berdasarkan syarat keseimbangan, harga dan kuantiti, untung, lebihan pengguna dan lebihan pengeluar, dan penggunaan sumber;	Kecekapan peruntukan sumber dan kecekapan pengeluaran
4.5 Pasaran persaingan bermonopoli		(i) menerangkan dasar mengawal kuasa monopoli, iaitu dasar peletakan harga-kos purata ($P=AC$) dan dasar peletakan harga-kos sut ($P=MC$).	Menggunakan gambar rajah
4.5.1 Penentuan output keseimbangan		Calon seharusnya dapat: (a) mentakrif pasaran persaingan bermonopoli dan menghuraikan cirinya;	
4.5.2 Persaingan bukan harga		(b) menjelaskan bentuk keluk permintaan bagi pasaran persaingan bermonopoli;	Menggunakan gambar rajah
		(c) menentukan output dan harga keseimbangan dengan menggunakan pendekatan hasil sut-kos sut ($MR = MC$);	Menggunakan gambar rajah
		(d) mengilustrasi untung lebih normal, untung normal, rugi, dan penutupan firma;	Menggunakan gambar rajah
		(e) menerangkan bagaimana firma pasaran persaingan bermonopoli mendapat untung normal dalam jangka panjang;	
		(f) menerangkan maksud persaingan bukan harga;	
		(g) membincangkan pelbagai bentuk persaingan bukan harga.	Pembezaan produk, pengiklanan, galakan jualan, dan khidmat selepas jualan
<i>Tajuk</i>	<i>Waktu</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>

	<i>Pengajaran</i>		
<p>5 Pasaran Faktor dan Agihan</p> <p>5.1 Permintaan dan penawaran faktor pengeluaran</p> <p>5.2 Upah</p> <p>5.2.1 Penentuan tingkat upah</p> <p>5.2.2 Kesatuan sekerja</p>	<p>20</p>	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menerangkan permintaan terbitan atau permintaan berkait;</p> <p>(b) membina jadual, menghitung, melukis, dan menerangkan keluk keluaran hasil purata (<i>ARP</i>) dan keluk keluaran hasil sut (<i>MRP</i>);</p> <p>(c) membezakan antara keluaran hasil purata (<i>ARP</i>) dengan keluaran purata (<i>APP</i>) dan keluaran hasil sut (<i>MRP</i>) dengan keluaran sut (<i>MPP</i>);</p> <p>(d) menerbitkan keluk permintaan faktor daripada keluk keluaran hasil sut (<i>MRP</i>);</p> <p>(e) menerangkan keluk penawaran faktor bagi firma dan industri/pasaran.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menerangkan maksud upah;</p> <p>(b) mengilustrasi penentuan tingkat upah dan kuantiti buruh keseimbangan dalam pasaran persaingan sempurna;</p> <p>(c) menghitung dan melukis gambar rajah keseimbangan tingkat upah dan kuantiti buruh dalam pasaran persaingan sempurna;</p> <p>(d) menerangkan maksud kesatuan sekerja dan tujuan penubuhan kesatuan sekerja;</p> <p>(e) membincangkan cara kesatuan sekerja menuntut kenaikan upah;</p>	<p>Pasaran output dan input dalam pasaran persaingan sempurna</p> <p>Berdasarkan jadual dan rumus</p> <p>Keluaran purata (<i>AP</i>) = keluaran fizikal purata (<i>APP</i>)</p> <p>Keluaran sut (<i>MP</i>) = keluaran fizikal sut (<i>MPP</i>)</p> <p>Menggunakan gambar rajah</p> <p>Menggunakan jadual dan rumus</p> <p>Menyatakan contoh kesatuan sekerja di Malaysia</p>
<i>Tajuk</i>	<i>Waktu</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>

	<i>Pengajaran</i>		
5.3 Sewa, kadar bunga, dan untung		<p>(f) menerangkan faktor yang mempengaruhi kejayaan dan kegagalan kesatuan sekerja menuntut kenaikan upah.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menerangkan maksud sewa;</p> <p>(b) membezakan sewa kuasi, sewa ekonomi, dan perolehan pindahan;</p> <p>(c) menerangkan maksud kadar bunga;</p> <p>(d) membezakan kadar bunga nominal dengan kadar bunga benar;</p> <p>(e) menerangkan maksud untung.</p>	<p>Pulangan kepada pemilik tanah</p> <p>Menggunakan gambar rajah</p> <p>Pulangan kepada pemilik modal kerana menanggung penggunaan</p> <p>Pulangan kepada usahawan kerana sanggup menanggung risiko</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
<p>B: MAKROEKONOMI</p> <p>1 Pengenalan</p> <p>1.1 Aliran pusingan pendapatan negara</p> <p>1.2 Isu makroekonomi</p> <p>1.3 Petunjuk makroekonomi</p>	<p>6</p>	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menggariskan aktiviti dan pelaku ekonomi yang terlibat dalam kegiatan ekonomi secara keseluruhan;</p> <p>(b) menggariskan aliran wang dan aliran fizikal yang berlaku dalam ekonomi.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mengenal pasti isu makroekonomi dan menggariskan mengapa isu itu perlu ditangani;</p> <p>(b) mencadangkan secara ringkas langkah mengatasi isu tersebut.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menyenaraikan petunjuk makroekonomi;</p> <p>(b) menggunakan rumus untuk mengira petunjuk makroekonomi dan memberikan maknanya.</p>	<p>Menjelaskan maksud isi rumah, firma, kerajaan, dan sektor luar negara</p> <p>Carta aliran sehingga empat sektor</p> <p>Contoh: inflasi, pengangguran, pertumbuhan ekonomi, dan imbalan pembayaran</p> <p>Contoh: keluaran negara kasar (KNK), kitaran perniagaan, kadar inflasi, kadar pengangguran, kadar bunga, kadar pertumbuhan ekonomi, akaun dagangan, dan akaun semasa</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
<p>2 Perakaunan Pendapatan Negara</p> <p>2.1 Konsep pendapatan negara</p> <p>2.2 Kaedah penghitungan pendapatan negara</p>	<p>18</p>	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mentakrifkan pelbagai konsep keluaran negara dan pendapatan negara.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menggariskan tiga kaedah penghitungan pendapatan negara;</p> <p>(b) mengilustrasikan penghitungan pendapatan negara Malaysia;</p> <p>(c) mentafsir sumbangan pelbagai komponen perbelanjaan dan pelbagai sektor kepada pendapatan negara;</p>	<p>Keluaran dalam negeri kasar (KDNK) dan keluaran negara kasar (KNK) pada harga pasaran dan kos faktor</p> <p>Keluaran negara nominal dan keluaran negara benar (rumus hubungan antara keluaran negara nominal dengan keluaran negara benar dan indeks harga pengguna)</p> <p>Pendapatan negara, dan pendapatan per kapita</p> <p>Kaedah keluaran (nilai tambah) dan kaedah perbelanjaan (nilai barang akhir)</p> <p>Menggunakan data Malaysia sebagai contoh</p> <p>Penggunaan swasta dan awam, pelaburan swasta dan awam, eksport dan import</p> <p>Nilai keluaran pelbagai sektor</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
<p>2.3 Kegunaan data pendapatan negara</p>	40	<p>(d) menjelaskan masalah penghitungan pendapatan negara.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menjelaskan kegunaan data pendapatan negara;</p> <p>(b) membincangkan kelemahan data pendapatan negara untuk mengukur taraf hidup dan membandingkan taraf hidup antara masa dan antara negara.</p>	<p>Pengukur taraf hidup, pertumbuhan ekonomi, prestasi sektor, perubahan struktur ekonomi, dan perancangan ekonomi</p>
<p>3 Keseimbangan Pendapatan Negara dan Dasar Fiskal</p> <p>3.1 Pendekatan perbelanjaan agregat – pendapatan ($AE-Y$): harga tetap</p> <p>3.1.1 Perbelanjaan agregat</p>		<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menggariskan komponen perbelanjaan agregat, bocoran, dan suntikan;</p> <p>(b) menjelaskan fungsi penggunaan dan fungsi tabungan, iaitu kecenderungan mengguna sut, kecenderungan menabung sut, dan kesan cukai sekaligus;</p> <p>(c) menjelaskan fungsi pelaburan dan kecekapan modal sut;</p> <p>(d) menjelaskan fungsi perbelanjaan kerajaan</p>	
<p>3.1.2 Keseimbangan ekonomi tiga sektor (cukai sekali gus)</p>		<p>(e) menjelaskan konsep keseimbangan pendapatan negara mengikut pendekatan $AE=Y$ dan pendekatan suntikan-bocoran;</p>	

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
3.1.3 Dasar fiskal		<p>(f) menjelaskan bagaimana keseimbangan ekonomi tiga sektor tercapai;</p> <p>(g) menganalisis kesan perubahan perbelanjaan agregat melalui proses pengganda;</p> <p>(h) mentakrifkan dasar fiskal dan menggariskan alat dasar fiskal;</p> <p>(i) menjelaskan jurang keluaran negara kasar, lompong deflasi, dan lompong inflasi;</p> <p>(j) menjelaskan bagaimana alat dasar fiskal digunakan untuk mengawal inflasi, mengatasi pengangguran, meningkatkan pertumbuhan ekonomi, dan mengurangkan kitaran perniagaan;</p>	<p>Menggunakan rumus dan gambar rajah</p> <p>Perubahan pelaburan: menggunakan jadual dan gambar rajah</p> <p>Perubahan perbelanjaan kerajaan: menggunakan jadual dan gambar rajah sahaja</p> <p>Menggariskan komponen hasil dan perbelanjaan kerajaan dengan merujuk data belanjawan negara Malaysia</p> <p>Menggunakan rumus dan gambar rajah</p> <p>Kaitkan dengan masalah kemerosotan ekonomi, pengangguran kitaran, dan inflasi tarikan permintaan</p> <p>Jenis belanjawan dan hutang negara diterangkan secara ringkas</p>
3.1.4 Keseimbangan ekonomi terbuka		<p>(k) menggariskan fungsi import dan eksport;</p> <p>(l) menjelaskan keseimbangan ekonomi terbuka;</p>	<p>Menerbitkan rumus ($AE-Y$), suntikan-bocoran</p> <p>Menggunakan gambar rajah dan rumus ($AE-Y$), dan suntikan-bocoran</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
<p>3.2 Analisis permintaan agregat-penawaran agregat (<i>AD-AS</i>): harga berubah</p> <p>3.2.1 Permintaan agregat-penawaran agregat</p> <p>3.2.2 Keseimbangan permintaan agregat-penawaran agregat (<i>AD-AS</i>)</p>		<p>(m) menganalisis kesan perubahan eksport dan import terhadap keseimbangan pendapatan negara.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mentakrifkan keluk permintaan agregat (<i>AD</i>);</p> <p>(b) menerbitkan keluk <i>AD</i> dan menjelaskan cirinya;</p> <p>(c) menghuraikan faktor yang mempengaruhi peralihan keluk <i>AD</i>;</p> <p>(d) mentakrifkan keluk penawaran agregat (<i>AS</i>) dan menjelaskan cirinya;</p> <p>(e) menghuraikan faktor yang mempengaruhi peralihan keluk <i>AS</i>;</p> <p>(f) menjelaskan bagaimana permintaan agregat dan penawaran agregat menentukan tingkat harga dan pendapatan keseimbangan;</p> <p>(g) menganalisis perubahan keseimbangan pendapatan negara dan harga kesan peralihan keluk permintaan agregat dan penawaran agregat.</p>	<p>Menggunakan gambar rajah suntikan-bocoran sahaja</p> <p>Pengganda tidak diperlukan</p> <p>Keseimbangan <i>AE-Y</i></p> <p>Menggunakan gambar rajah <i>AS</i> yang bercerun positif dan berbentuk menegak (menunjukkan ekonomi berada pada guna tenaga penuh)</p> <p>Perubahan teknologi, perubahan kos pengeluaran, perubahan produktiviti, dan perubahan sumber</p> <p>Menggunakan gambar rajah</p> <p>Berikan kepentingan kepada proses mendapat/menuju ke arah keseimbangan</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
<p>4 Wang, Bank, dan Dasar Kewangan</p> <p>4.1 Wang</p> <p>4.2 Penawaran wang</p> <p>4.2.1 Bank perdagangan dan penciptaan kredit</p> <p>4.2.2. Teori kuantiti wang</p> <p>4.3 Permintaan wang</p>	<p>24</p>	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mentakrifkan wang;</p> <p>(b) memerihalkan fungsi wang.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) memerihalkan komponen wang M1 dan M2;</p> <p>(b) mengilustrasi dan menjelaskan proses penciptaan kredit dan wang;</p> <p>(c) menghuraikan faktor yang mempengaruhi penciptaan kredit;</p> <p>(d) menghuraikan hubungan penawaran wang dengan tingkat harga umum.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menjelaskan tujuan permintaan wang.</p>	<p>Kaitkan dengan ciri-ciri wang</p> <p>Hubungan antara indeks harga pengguna dengan nilai wang diterangkan secara ringkas dengan menggunakan rumus</p> <p>Sistem banyak bank</p> <p>Nisbah rizab, kadar bank/diskaun, keperluan cagaran bank, kurang minat meminjam, pemegangan lebihan rizab, dan kebocoran wang tunai</p> <p>Gunakan persamaan pertukaran Fisher sahaja</p> <p>Teori Keutamaan Kecairan Keynes Terbitan dan alihan keluk permintaan wang</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
<p>4.4 Keseimbangan pasaran wang dan aktiviti ekonomi</p> <p>4.4.1 Penentuan kadar bunga</p> <p>4.4.2 Perubahan kadar bunga dan aktiviti ekonomi</p>		<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menjelaskan proses penentuan kadar bunga;</p> <p>(b) menganalisis kesan perubahan penawaran dan permintaan wang terhadap kadar bunga;</p> <p>(c) menganalisis kesan perubahan penawaran dan permintaan wang terhadap keseimbangan ekonomi mengikut pendekatan <i>AE-Y</i> dan <i>AD-AS</i>.</p>	Analisis termasuk kes perangkap kecairan
<p>4.5 Bank pusat dan dasar kewangan</p>		<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menerangkan fungsi bank pusat;</p> <p>(b) mentakrifkan dasar kewangan dan menggariskan alat dasar kewangan;</p> <p>(c) membincangkan bagaimana alat dasar kewangan mempengaruhi penawaran wang dan kadar bunga;</p> <p>(d) menganalisis dasar kewangan untuk mengurangkan kadar inflasi, pengangguran, dan meningkatkan output.</p>	<p>Operasi pasaran terbuka, nisbah rizab berkanun, nisbah rizab tunai, kadar diskaun, kadar bunga semalaman (kadar campur tangan), kawalan kredit terpilih, dan pujukan moral</p> <p>Kesan inflasi ke atas nilai wang diterangkan secara ringkas</p>
<p>5 Perdagangan dan Kewangan Antarabangsa</p> <p>5.1 Sebab wujud perdagangan antarabangsa</p>	32	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mentakrifkan perdagangan antarabangsa;</p>	

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
5.2 Faedah berbanding		<p>(b) menjelaskan sebab wujudnya perdagangan antarabangsa;</p> <p>(c) menjelaskan faedah yang diperoleh daripada perdagangan antarabangsa.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menjelaskan teori faedah berbanding;</p> <p>(b) mengilustrasi manfaat daripada perdagangan antarabangsa.</p>	<p>Anugerah faktor (tanah, iklim, penduduk), cita rasa, teknologi, dan kemahiran buruh</p> <p>Menggunakan jadual dan gambar rajah</p> <p>Faedah mutlak diterangkan secara ringkas (jadual sahaja)</p>
5.3 Sekatan perdagangan antarabangsa		<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menggariskan kesan negatif perdagangan antarabangsa terhadap ekonomi sesebuah negara;</p> <p>(b) menjelaskan tujuan sekatan perdagangan antarabangsa;</p> <p>(c) memerihalkan alat sekatan perdagangan antarabangsa;</p> <p>(d) menganalisis kesan tarif.</p>	<p>Contoh: Persaingan kepada industri muda, imbalan pembayaran negatif, dan lambakan</p> <p>Tarif dan bukan tarif</p> <p>Menggunakan gambar rajah</p>
5.4 Kadar pertukaran asing		<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mentakrifkan kadar pertukaran asing;</p> <p>(b) menghitung pertukaran mata wang asing;</p> <p>(c) menghuraikan faktor yang mempengaruhi permintaan dan penawaran pertukaran asing;</p>	<p>Gunakan jadual kadar pertukaran asing di Malaysia</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
5.4.1 Penentuan kadar pertukaran asing		<p>(d) menjelaskan penentuan kadar pertukaran asing dalam sistem kadar pertukaran boleh ubah;</p> <p>(e) menghuraikan faktor yang mempengaruhi perubahan kadar pertukaran asing;</p> <p>(f) menjelaskan penentuan kadar pertukaran asing dalam sistem kadar pertukaran tetap;</p> <p>(g) menjelaskan konsep devaluasi dan kesannya terhadap eksport dan import.</p>	<p>Menggunakan gambar rajah</p> <p>Kaitkan dengan konsep naik nilai dan susut nilai</p>
5.5 Imbangan pembayaran		<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mentakrifkan imbangan pembayaran;</p> <p>(b) memerihalkan butiran imbangan pembayaran Malaysia;</p> <p>(c) mengilustrasi penghitungan imbangan pembayaran;</p> <p>(d) menjelaskan maksud imbangan pembayaran defisit dan lebihan;</p> <p>(e) menjelaskan cara mengatasi imbangan pembayaran defisit.</p>	<p>Menggunakan gambar rajah</p> <p>Kaitkan dengan konsep terlebih nilai dan terkurang nilai</p> <p>Akaun dagangan, akaun perkhidmatan, pendapatan pindahan semasa, akaun semasa, akaun kewangan, kesilapan dan ketinggalan, dan imbangan keseluruhan</p>

Penggal 3

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
<p>C: EKONOMI MALAYSIA</p> <p>1 Pengangguran, Guna Tenaga, dan Upah</p> <p>1.1 Pengangguran</p> <p>1.2 Pengangguran di Malaysia</p> <p>1.3 Faktor mempengaruhi pengangguran</p> <p>1.4 Upah</p>	<p>10</p>	<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mentakrifkan tenaga buruh, guna tenaga, dan pengangguran;</p> <p>(b) mengilustrasi cara menghitung kadar pengangguran;</p> <p>(c) mengelaskan jenis pengangguran.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) memerihalkan arah aliran pengangguran, guna tenaga, dan tenaga buruh.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) membincangkan sebab berlaku pengangguran;</p> <p>(b) membincangkan kesan pengangguran terhadap sosio ekonomi;</p> <p>(c) membincangkan cara mengurangkan pengangguran dan meningkatkan peluang pekerjaan.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mentakrifkan upah wang, upah bukan wang, dan upah benar;</p>	<p>Contoh: Pengangguran struktur, bermusim, geseran, kitaran, pengangguran teknologi, dan pengangguran tak ketara</p> <p>Berdasarkan data agregat dan data mengikut sektor</p> <p>Dasar fiskal, dasar kewangan, dan cara-cara lain</p> <p>Mengira upah benar</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
<p>2 Inflasi dan Kos Sara Hidup</p> <p>2.1 Indeks harga dan inflasi</p> <p>2.2 Inflasi di Malaysia</p> <p>2.3 Faktor mempengaruhi inflasi</p> <p>2.4 Kos sara hidup</p> <p>2.5 Kesan inflasi</p>	10	<p>(b) membincangkan faktor yang membezakan upah mengikut sektor dan pekerjaan.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mengetahui maksud indeks harga pengguna;</p> <p>(b) mengilustrasi cara menghitung indeks harga pengguna;</p> <p>(c) mengetahui maksud inflasi;</p> <p>(d) menghitung kadar inflasi;</p> <p>(e) mengelaskan jenis inflasi.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) memerihalkan arah aliran inflasi.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) membincangkan sebab berlaku inflasi.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mengetahui maksud kos sara hidup;</p> <p>(b) mengaitkan kos sara hidup dengan taraf hidup.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) membincangkan kesan inflasi terhadap ekonomi.</p>	<p>Indeks harga wajaran</p> <p>Inflasi tarikan permintaan, inflasi tolakan kos, dan inflasi diimport</p> <p>Berdasarkan data indeks harga pengguna mengikut kawasan dan kumpulan barang</p> <p>Kos sara hidup, taraf hidup, pertumbuhan ekonomi, nilai wang, kesan inflasi terhadap pelbagai golongan (contohnya pesara, peniaga, dan penghutang)</p>

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>	
2.6 Langkah mengawal inflasi	10	Calon seharusnya dapat: (a) membincangkan dasar kerajaan mengawal inflasi.	Dasar kewangan, dasar fiskal, dasar kawalan harga, dan dasar pendapatan	
2.7 Belanjawan negara Malaysia		Calon seharusnya dapat: (a) menjelaskan konsep belanjawan negara Malaysia; (b) menerangkan struktur perbelanjaan dan hasil Kerajaan Persekutuan dan arah alirannya; (c) memerihalkan hutang negara Malaysia.	Kaitkan dengan konsep belanjawan lebihan, belanjawan kurangan, dan belanjawan terimbang Sumber hutang negara dan jumlah semasa	
3 Perdagangan Antarabangsa dan Imbangan Pembayaran				
3.1 Perdagangan antarabangsa dan keterbukaan ekonomi		Calon seharusnya dapat: (a) menjelaskan maksud ekonomi terbuka; (b) mengilustrasi cara mengukur keterbukaan ekonomi.	Nisbah eksport kepada KDNK atau nisbah eksport tambah import kepada KDNK	
3.2 Arah aliran perdagangan antarabangsa di Malaysia		Calon seharusnya dapat: (a) memerihalkan arah aliran perdagangan antarabangsa.	Mengikut jenis barang dan negara rakan dagang	
3.3 Kesan perdagangan antarabangsa	Calon seharusnya dapat: (a) membincangkan kesan perdagangan antarabangsa terhadap ekonomi.	Kesan positif dan negatif		

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
3.4 Langkah mengawal perdagangan antarabangsa		Calon seharusnya dapat: (a) membincangkan dasar kerajaan mengawal perdagangan antarabangsa.	Dasar perdagangan Malaysia (contoh: liberalisasi perdagangan, AFTA, galakan eksport, penggantian import, dan dasar perlindungan)
3.5 Imbangan akaun semasa di Malaysia		Calon seharusnya dapat: (a) memerihalkan arah aliran akaun semasa.	Akaun dagangan, akaun perkhidmatan, akaun pendapatan, dan pindahan semasa
3.6 Kadar pertukaran asing		Calon seharusnya dapat: (a) membincangkan sistem kadar pertukaran asing di Malaysia; (b) memerihalkan arah aliran kadar pertukaran asing Malaysia dengan negara terpilih; (c) membincangkan kesan perubahan kadar pertukaran asing terhadap ekonomi.	Negara ASEAN, Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun dan EU Harga barang, daya saing sektor eksport
4 Perusahaan Kecil dan Sederhana	10		
4.1 Unit perniagaan		Calon seharusnya dapat: (a) mengenal pasti unit perniagaan.	Pemilikan tunggal, Perkongsian, Syarikat Sendirian Berhad, Syarikat Awam Berhad, dan Koperasi
4.2 Perusahaan kecil dan sederhana		Calon seharusnya dapat: (a) mentakrifkan perusahaan kecil dan sederhana; (b) menjelaskan ciri perusahaan kecil dan sederhana.	

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
4.3 Perusahaan kecil dan sederhana di Malaysia		<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) memerihalkan profil perkembangan perusahaan kecil dan sederhana;</p> <p>(b) membincangkan sumbangan perusahaan kecil dan sederhana terhadap ekonomi;</p> <p>(c) membincangkan masalah yang dihadapi perusahaan kecil dan sederhana.</p>	Keluaran negara, guna tenaga, eksport, dan import
4.4 Peranan kerajaan		<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menggariskan program pembangunan perusahaan kecil dan sederhana;</p> <p>(b) mengenal pasti agensi-agensi kerajaan yang membantu perusahaan kecil dan sederhana;</p> <p>(c) mengenal pasti peranan agensi-agensi kerajaan yang membantu perusahaan kecil dan sederhana.</p>	<p>Contoh: Program Rantaian Industri, Program Infrastruktur, Program Pembangunan dan Perolehan Teknologi, Program Pembangunan Pemasaran, dan Program Peningkatan Kemahiran</p> <p>Contoh: Bank SME, SMIDEC, dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN)</p>
5 Institusi Kewangan	10		
5.1 Institusi kewangan		<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mentakrifkan institusi kewangan;</p> <p>(b) mengenal pasti jenis institusi kewangan;</p>	Institusi perbankan dan institusi kewangan bukan perbankan (termasuk pasaran saham)

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
5.2 Institusi kewangan di Malaysia		(c) menghuraikan fungsi dan peranan institusi kewangan. Calon seharusnya dapat:	Fungsi: perantara kewangan, penyerakan dan perkongsian risiko Peranan: pertumbuhan ekonomi, kos menjalankan perniagaan
5.3 Institusi pemberi kredit		(a) memerihalkan profil dan perkembangan institusi kewangan. Calon seharusnya dapat:	
		(a) mengenal pasti agensi pemberi kredit;	Pelbagai jenis bank, syarikat kewangan, syarikat insurans, koperasi, AIM, pajak gadai atau ar-Rahnu, dan pemberi pinjam wang berlesen
		(b) masalah mendapatkan kredit oleh peminjam.	Masalah cagaran, penyediaan kertas kerja, prosedur memberi kredit, dan membayar balik kredit
6 Kemiskinan dan Agihan Pendapatan	10		
6.1 Ukuran kemiskinan		Calon seharusnya dapat:	
		(a) mentakrifkan kemiskinan;	Kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif
		(b) menggariskan prinsip penentuan garis kemiskinan.	Kemiskinan tegar
6.2 Kemiskinan di Malaysia		Calon seharusnya dapat:	
		(a) memerihalkan profil kemiskinan di Malaysia;	Kawasan bandar dan luar bandar, antara negeri, dan antara kaum

<i>Tajuk</i>	<i>Waktu Pengajaran</i>	<i>Hasil Pembelajaran</i>	<i>Catatan</i>
6.3 Agihan pendapatan		<p>(b) menghuraikan punca kemiskinan.</p> <p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) menggariskan kaedah pengukuran agihan pendapatan;</p> <p>(b) memerihalkan sumber pendapatan;</p> <p>(c) profil agihan pendapatan di Malaysia.</p>	<p>Akses pasaran, modal, teknologi, dan pendidikan</p> <p>Kaedah Persentil Interpretasi pekali Gini (cara penghitungan tidak diperlukan)</p> <p>Upah, pendapatan bukan upah (contoh: sewa, dividen, bunga, untung), harta pusaka, dan bayaran pindahan</p>
6.4 Dasar membasmi kemiskinan dan ketaksetaraan pendapatan		<p>Calon seharusnya dapat:</p> <p>(a) mengenal pasti dasar kerajaan;</p> <p>(b) mengenal pasti agensi dan program yang membantu membasmi kemiskinan.</p>	<p>Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Wawasan Negara, dan Dasar Pendidikan Negara</p> <p>Contoh agensi: Jabatan Kebajikan Masyarakat, AIM, Baitulmal, Agensi Pembangunan Wilayah, dan FAMA</p> <p>Contoh program: PPRT, Program Rancangan Makanan Tambahan (RMT), buku teks percuma, dan baucar tuisyen</p>

Kerja Kursus (Kerja Projek)

1 Pengenalan

Setiap calon sekolah kerajaan, calon sekolah bantuan kerajaan, calon sekolah swasta, dan calon persendirian individu **wajib** melaksanakan kerja kursus Ekonomi sebagai satu daripada komponen pentaksiran untuk penggal 3. Wajaran bagi komponen kerja kursus ini adalah sebanyak 20% daripada markah keseluruhan kertas Ekonomi (944). Markah pentaksiran kerja kursus hendaklah dihantar kepada Majlis Peperiksaan Malaysia untuk diambil kira bersama-sama dengan markah peperiksaan bagi tujuan penentuan markah keseluruhan dan penggredan. Pentaksiran pencapaian calon dalam kerja kursus ini adalah berdasarkan kepada Panduan Pemarkahan Kerja Kursus Ekonomi (944/4).

Pelaksanaan dan pentaksiran kerja kursus ini dijalankan untuk pelajar yang mengambil mata pelajaran Ekonomi dari bulan Jun hingga bulan November, iaitu semasa pelajar berada di Tingkatan Enam Atas pada penggal 3. Panduan dan arahan tugas kerja kursus akan diberikan melalui portal MPM <http://www.mpm.edu.my>.

Pelaksanaan kerja kursus akan memberi pengalaman secara langsung kepada calon untuk mengkaji ekonomi Malaysia. Melalui kajian ini, kemahiran ekonomi seperti mencari, mengumpul, mengelas, menganalisis, mentafsir, mensintesis, merumus, dan merekod fakta ekonomi dapat ditaksir. Pengalaman melaksanakan kerja kursus ini dapat membentuk generasi yang peka dan berminat terhadap isu ekonomi setempat, negara, dan dunia.

2 Rasional kerja kursus Ekonomi

Rasional kerja kursus adalah untuk melahirkan pelajar yang menyedari isu ekonomi semasa, mempunyai kemahiran yang perlu untuk mengaplikasi konsep dan teori ekonomi, serta menganalisis dan menilai isu tersebut dengan menggunakan maklumat yang sesuai.

3 Objektif kerja kursus Ekonomi

Pelaksanaan kerja kursus Ekonomi bertujuan memenuhi matlamat pendidikan Ekonomi yang menyepadukan unsur kemahiran kognitif, kemahiran manipulatif, dan kemahiran insaniah.

3.1 Kemahiran kognitif

- (i) mengenal pasti dan menghuraikan masalah serta isu yang berkaitan dengan ekonomi dan mencadangkan langkah mengatasinya dalam konteks setempat;
- (ii) menjelaskan pelbagai isu yang berkaitan dengan manusia dan faktor yang mempengaruhinya;
- (iii) mengaplikasi dan membandingkan teori yang diajar dalam bilik darjah dengan keadaan sebenar;
- (iv) mentafsir, mensintesis, dan merumus data dan maklumat tentang isu ekonomi.

3.2 Kemahiran manipulatif

- (i) menghitung, mengukur, melakar, merakam, merekod, dan mengumpul pelbagai jenis data serta maklumat daripada sumber primer;
- (ii) menemu bual, melakukan pemerhatian ikut serta, dan mengkaji selidik untuk mendapatkan data primer;
- (iii) mengumpul, mengelas, merekod, menyalin data dan maklumat sumber sekunder melalui kajian perpustakaan, laporan agensi kerajaan dan swasta, serta memuat turun bahan daripada sumber Internet;

- (iv) memproses, menyusun, meringkas, mengkod, menjadual, merumus, dan menganalisis data dan maklumat yang diperoleh;
- (v) mempersembahkan data serta maklumat yang diperoleh ke dalam bentuk grafik, jadual, rajah, dan carta. Calon digalakkan menggunakan komputer untuk menganalisis dan mempersembahkan data.

3.3 Kemahiran insaniah (*soft skills*)

- (i) mampu berkomunikasi secara lisan dan tulisan dengan berkesan
- (ii) mampu bekerjasama dalam kumpulan, mengorganisasi tugas, dan bekerja sebagai satu pasukan
- (iii) berupaya memimpin dan mengawal selia aktiviti kajian luar yang dilaksanakan secara berkumpulan
- (iv) berupaya mengurus masa mengikut jadual kerja yang ditetapkan
- (v) berupaya menyelesaikan masalah
- (vi) berupaya menghasilkan tugas secara kreatif dan inovatif
- (vii) mampu menjalankan kajian kuantitatif dan kualitatif secara saintifik
- (viii) menyedari dan menghargai kepentingan isu ekonomi negara
- (ix) mampu menjalankan kajian secara jujur, amanah, dan beretika
- (x) berupaya meningkatkan keyakinan diri dan bermotivasi
- (xi) mengenali isu ekonomi di persekitaran dan dalam negara

Skim Pentaksiran

<i>Penggal Pengajian</i>	<i>Kod dan Nama Kertas</i>	<i>Jenis Ujian</i>	<i>Markah (Wajaran)</i>	<i>Masa</i>	<i>Pentadbiran</i>
Penggal 1	944/1 Ekonomi 1	<p>Ujian Bertulis</p> <p>Bahagian A: Soalan aneka pilihan 20 soalan diberikan Jawab semua soalan</p> <p>Bahagian B: Soalan esei 6 soalan diberikan Jawab 4 soalan daripada 6 soalan</p> <p>Bahagian C: Soalan kuantitatif 3 soalan diberikan Jawab 2 soalan daripada 3 soalan</p>	<p>80 (32%)</p> <p>20</p> <p>40</p> <p>20</p>	2 jam	Pentaksiran berpusat
Penggal 2	944/2 Ekonomi 2	<p>Ujian Bertulis</p> <p>Bahagian A: Soalan aneka pilihan 20 soalan diberikan Jawab semua soalan</p> <p>Bahagian B: Soalan esei 6 soalan diberikan Jawab 4 soalan daripada 6 soalan</p> <p>Bahagian C: Soalan kuantitatif 3 soalan diberikan Jawab 2 soalan daripada 3 soalan</p>	<p>80 (32%)</p> <p>20</p> <p>40</p> <p>20</p>	2 jam	Pentaksiran berpusat

<i>Penggal Pengajian</i>	<i>Kod dan Nama Kertas</i>	<i>Jenis Ujian</i>	<i>Markah (Wajaran)</i>	<i>Masa</i>	<i>Pentadbiran</i>
Penggal 3	944/3 Ekonomi 3	<p>Ujian Bertulis</p> <p>Bahagian A: Soalan esei 6 soalan diberikan Jawab 5 soalan daripada 6 soalan</p> <p>Bahagian B: Soalan kuantitatif 2 soalan diberikan Jawab 1 soalan daripada 2 soalan</p>	<p>40 (16%)</p> <p>30</p> <p>10</p>	1 jam	Pentaksiran berpusat
	944/4 Ekonomi 4	<p>Kerja Kursus (Kerja Projek)</p> <p>Pilih satu tema daripada dua tema yang diberikan dan hasilkan satu tugasan tema yang dipilih.</p> <p>Tugasan berdasarkan tajuk dalam penggal 3</p>	<p>60 diskalakan kepada 50 (20%)</p>	Sepanjang penggal 3	<p>Pentaksiran oleh guru sekolah bagi calon sekolah kerajaan dan calon sekolah bantuan kerajaan</p> <p>Pentaksiran oleh pemeriksa yang dilantik bagi calon sekolah swasta dan calon persendirian individu</p>

Senarai Rujukan

1. Bank Negara Malaysia, diterbitkan setiap tahun. *Laporan Tahunan*. Kuala Lumpur.
2. Bank Negara Malaysia, diterbitkan setiap tahun. *Buletin Suku Tahunan*. Kuala Lumpur.
3. Bank Negara Malaysia, 1999. *The Central Bank and Financial System in Malaysia: A Decade of Change*. Kuala Lumpur.
4. Baumol, WJ., dan Blinder, A.S., 2009. *Economics: Principles and Policy*. Edisi ke-11. South Western: Cengage-Learning.
5. Case, K.E., dan R.C., 2007. *Principles of Economics*. Edisi ke-8. New Jersey: Prentice Hall.
6. Chamhuri Siwar dan Surtahman Kastin Hasan, 2005. *Ekonomi Malaysia*. Edisi ke-6. Petaling Jaya: Longman.
7. Frank, R.H., dan Bon S.B., 2007. *Principles of Economics*. Edisi ke-3. Boston: McGraw-Hill.
8. Heng Siew Ngu dan Md Zyadi Md Tahir, 2008. *Mikroekonomi: Teks Pra-U, STPM dan Matrikulasi*. Petaling Jaya: Pearson Longman.
9. Jabatan Perangkaan Malaysia. Diterbitkan setiap tahun. *Buku Tahunan Perangkaan*. Kuala Lumpur.
10. Kementerian Kewangan Malaysia. Diterbitkan setiap tahun. *Laporan Ekonomi*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional.
11. Chang Lai Mooi, 2008. *Makroekonomi: Teks Pra-U, STPM dan Matrikulasi*. Petaling Jaya: Pearson Longman.
12. Lipsey, R.G., dan K.A.C., 1995. *An Introduction to Positive Economics*. Edisi ke-8. Oxford University Press.
13. McConnell, C.R., dan Brue, S.L., 2008. *Economics: Principles, Problems and Policies*. Edisi ke-17. Boston: McGraw Hill.
14. Mankiw, N.G., 2007. *Principles of Economics*. New York: Worth Publishers.
15. Mohd Rosli Mohamed dan Mohamed Aslam Gulam Hassan (Penyunting), 2000. *Pembangunan Ekonomi Malaysia Era Globalisasi*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
16. Parkin, M., 2000. *Economics*. Edisi ke-12. Reading, Massachusetts: AddisonWesley.
17. Pindyck, R.S. dan Rubinfeld, D., 2004. *Principles of Economics*. New York: McMillan.
18. Sabariah Ali, 2007. *Ace Ahead. Mikroekonomi Kertas 1 STPM*. Kuala Lumpur: Oxford Fajar.
19. Sabariah Ali, 2008. *Makroekonomi STPM. Kertas 2*. Kuala Lumpur: Aneka Publishing.
20. Sadano Sukirno, 2005. *Mikroekonomi*. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Aneka Publishing.
21. Sadano Sukirno, 2007. *Makroekonomi*. Edisi ke-4. Kuala Lumpur: Aneka Publishing.
22. Rosnah Mohamad Sirin, 2000. *Teori Asas Mikroekonomi*. Edisi pertama. Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

KERTAS SOALAN CONTOH

944/1

STPM

EKONOMI

KERTAS 1

(Dua jam)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab semua soalan dalam Bahagian A, empat soalan Bahagian B, dan dua soalan Bahagian C.

Ada dua puluh soalan dalam Bahagian A. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang betul dan tandakan jawapan itu pada Borang Jawapan Aneka Pilihan yang berasingan. Baca arahan pada Borang Jawapan Aneka Pilihan itu dengan teliti.

Gunakan helaian jawapan yang berasingan bagi tiap-tiap Bahagian B dan C.

Tunjukkan semua penghitungan dan berikan jawapan anda betul hingga dua tempat perpuluhan.

Markah untuk soalan atau bahagian soalan dalam Bahagian B dan C diberikan dalam tanda kurung [].

Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak dan halaman kosong.

© Majlis Peperiksaan Malaysia

Bahagian A
[20 markah]


Jawab semua soalan dalam bahagian ini.

- 1 Masalah kekurangan dalam ekonomi merujuk kepada keadaan apabila
 - A kuantiti sumber tidak mencukupi untuk memenuhi semua kehendak manusia
 - B kuantiti sumber tidak mencukupi untuk dimiliki oleh setiap individu dalam sebuah negara
 - C kuantiti barang yang dikeluarkan tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan asas manusia
 - D kuantiti barang yang dikeluarkan tidak cukup untuk diagihkan secara percuma kepada setiap individu dalam negara

- 2 Yang manakah yang menganjukkan keluk kemungkinan pengeluaran ke kanan?
 - A Kerajaan meningkatkan subsidi minyak.
 - B Kerajaan melaksanakan dasar upah minimum.
 - C Kerajaan melalui syarikatnya menemui telaga minyak baru.
 - D Kerajaan meluluskan undang-undang melarang wanita bekerja di luar rumah.

- 3 Sistem ekonomi pasaran bebas memperuntukkan sumber
 - A untuk kegunaan yang berfaedah
 - B supaya agihan pendapatan adalah saksama
 - C untuk kegunaan yang diutamakan oleh masyarakat
 - D supaya perbelanjaan mengurus kerajaan adalah minimum

- 4 Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk permintaan (DD) terhadap barang X .



Kuantiti diminta terhadap barang X berubah daripada Q_1 kepada Q_2 kerana

- A harga barang X turun
- B cita rasa terhadap barang X bertambah
- C cukai jualan terhadap barang X bertambah
- D harga barang pengganti terhadap barang X turun

5 Fungsi permintaan pasaran bagi barang X diberi seperti yang berikut:

$$Q_x = 8000 - 1000P_x,$$

dengan


Q_x = kuantiti X (unit),

P_x = harga X (RM).

Jika dalam pasaran terdapat 1000 individu yang masing-masing mempunyai fungsi permintaan yang serupa, berapakah kuantiti diminta oleh setiap individu jika harga ialah RM2.00 seunit?

- A 6 unit
 - B 7 unit
 - C 8 unit
 - D 9 unit
- 6 Penawaran bagi keluaran sektor pertama adalah tidak anjal kerana
- A kos pengeluarannya sangat rendah
 - B jangka masa pengeluaran yang lebih panjang
 - C hasilnya diperoleh dalam jangka masa pendek
 - D penawaran keluaran itu merupakan keperluan asas kepada pengguna


7 Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk permintaan (D_0) dan keluk penawaran (S_0) sebelum cukai bagi suatu barang.



Jika kerajaan mengenakan cukai terhadap pengeluaran barang tersebut, keseimbangan baru ialah pada

- A titik P
- B titik R
- C titik S
- D titik T


8 Gambar rajah di bawah menunjukkan peralihan keluk penawaran apabila subsidi diberikan oleh kerajaan.



Sekiranya subsidi adalah RM4.00 per unit, berapakah pertambahan lebihan pengguna?

- A RM70.00
- B RM80.00
- C RM180.00
- D RM200.00

9 Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk permintaan.



Jika fungsi permintaan bagi keluk permintaan tersebut ialah $Q_d = 40 - 2P$, berapakah nilai keanjalan pada titik E ?

- A 2
- B 3
- C 4
- D 5

10 Keanjalan penawaran bagi barang Y ialah 0.8. Jika kuantiti yang ditawarkan berubah daripada 100 unit kepada 140 unit, berapa peratuskah perubahan harga bagi barang Y ?

- A 20%
- B 30%
- C 40%
- D 50%

11 Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara kuantiti buruh dengan jumlah keluaran sebuah firma.

<i>Kuantiti buruh (unit)</i>	<i>Jumlah keluaran (unit)</i>
1	8
2	20
3	33
4	42
5	50

Berapakah keluaran sut apabila keluaran purata mencapai maksimum?

- A 10 unit
- B 11 unit
- C 12 unit
- D 13 unit


12 Dalam jangka panjang, apabila output belum mencapai tingkat optimum, kos purata jangka panjang

- A lebih tinggi daripada kos purata jangka pendek
- B sama dengan kos purata jangka pendek minimum
- C lebih tinggi daripada kos purata jangka pendek minimum
- D lebih rendah daripada kos purata jangka pendek minimum

13 Dalam jangka pendek firma pasaran persaingan sempurna akan mengurangkan keluaran apabila

- A kos sut melebihi harga
- B hasil sut melebihi kos sut
- C kos purata melebihi harga
- D harga melebihi kos berubah purata


14 Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk hasil sut (MR), keluk kos sut (MC) dan keluk kos purata (AC) bagi sebuah firma pasaran persaingan sempurna.



Berapakah jumlah keuntungan firma ini?

- A RM60.00
- B RM100.00
- C RM105.00
- D RM140.00

15 Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk hasil sut (MR), kos sut (MC), hasil purata (AR) dan kos purata (AC) bagi sebuah firma monopoli.



Jumlah hasil mencapai maksimum apabila keluaran berada pada tingkat

- A OQ_1
- B OQ_2
- C OQ_3
- D OQ_4

16 Yang manakah merupakan ciri pasaran persaingan bermonopoli?

- A Pengguna mempunyai banyak pilihan
- B Meletakkan harga sama dengan kos sut
- C Terdapat halangan kemasukan firma baru
- D Beroperasi pada keluk kos purata minimum

17 Yang berikut merupakan persaingan bukan harga **kecuali**

- A perbezaan keluaran
- B khidmat selepas jualan
- C tawaran potongan harga
- D tawaran hadiah percuma

18 Firma dalam pasaran persaingan sempurna memaksimumkan keuntungan apabila menggunakan buruh pada tingkat

- A keluaran hasil sut buruh sama dengan kos sut buruh
- B keluaran hasil purata buruh sama dengan kos sut buruh
- C keluaran hasil sut buruh lebih besar daripada kos sut buruh
- D keluaran hasil sut buruh lebih kecil daripada kos sut buruh

19 Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara kuantiti buruh dengan jumlah keluaran.

<i>Kuantiti buruh</i> (orang)	<i>Jumlah keluaran</i> (unit)
2	26
3	38
4	48
5	56
6	62
7	66
8	68

Jika harga keluaran adalah RM4.00 dan upah buruh adalah RM16.00, kuantiti buruh yang perlu digunakan untuk memaksimumkan untung adalah

- A 3 orang
- B 5 orang
- C 7 orang
- D 8 orang

20 Sewa kuasi adalah

- A campuran sewa ekonomi dan perolehan pindaan
- B perbezaan antara jumlah hasil dengan jumlah kos berubah
- C sewa bangunan dan harta tetap lain yang digunakan sendiri oleh pemilik
- D sewa yang diterima oleh faktor pengeluaran yang penawarannya tidak dapat ditambah

Bahagian B
[40 markah]

Jawab **empat** soalan sahaja.

- 1 (a) Bezakan antara barang ekonomi dengan barang percuma. [3]
(b) Dengan bantuan gambar rajah, jelaskan bagaimana mekanisme harga dapat menyelesaikan masalah pengeluaran barang ekonomi. [7]
- 2 (a) Huraikan **dua** sebab kerajaan campur tangan dalam pasaran. [4]
(b) Jelaskan **tiga** bentuk campur tangan kerajaan dalam pasaran. [6]
- 3 “Kenaikan harga sesuatu barang akan sentiasa meningkatkan jumlah hasil pengeluar”. Bincangkan. [10]
- 4 (a) Terangkan maksud *ekonomi bidangan dalaman* dan *ekonomi bidangan luaran*. [4]
(b) Terangkan **dua** faktor yang mempengaruhi ekonomi bidangan dalaman dan **dua** faktor yang mempengaruhi ekonomi bidangan luaran. [6]
- 5 “Firma persaingan sempurna dianggap lebih cekap daripada firma monopoli kerana firma persaingan sempurna dapat mencapai kecekapan peruntukan dan kecekapan pengeluaran”. Dengan bantuan gambar rajah, bincangkan pernyataan ini. [10]
- 6 (a) Terangkan maksud *sewa ekonomi* dan *perolehan pindahan*. [2]
(b) Dengan bantuan gambar rajah, terangkan dalam keadaan yang bagaimana sewa ekonomi dan perolehan pindahan diperolehi atau tidak diperolehi. [8]

Bahagian C
[20 markah]

Jawab **dua** soalan sahaja.

1 Jadual di bawah menunjukkan pengeluaran dua barang dalam sebuah negara.

Kombinasi	A	B	C	D	E	F
Barang pengguna (unit)	20	18	15	11	6	0
Barang modal (unit)	0	2	4	6	8	10

(a) Lukis keluk kemungkinan pengeluaran negara ini. [3]

(b) Hitung kos lepas jika negara ini memilih untuk beralih pengeluaran daripada titik *B* ke titik *D*. [2]

(c) Sekiranya negara ini mengeluarkan 15 unit barang pengguna dan 2 unit barang modal,

(i) adakah kombinasi barang ini boleh dikeluarkan?

(ii) apakah yang berlaku dalam ekonomi negara tersebut? Mengapa?

[3]

(d) Kemajuan teknologi menyebabkan pengeluaran barang modal meningkat sebanyak 50%, Lukis keluk kemungkinan pengeluaran yang baru dalam gambar rajah yang sama dalam soalan (a).

[2]

2 Persamaan permintaan dan persamaan penawaran bagi suatu barang adalah

$$Q_d = 80 - 2P,$$

$$Q_s = 20 + 4P,$$

dengan

P = harga (RM),

Q = Kuantiti (unit).

(a) Hitung harga dan kuantiti keseimbangan. [2]

(b) Lukis gambar rajah keseimbangan pasaran. [3]

(c) Sekiranya kenaikan harga minyak menyebabkan fungsi penawaran berubah menjadi $Q_s = 4P$,

(i) hitung harga dan kuantiti keseimbangan yang baru, [1]

(ii) lukis gambar rajah keseimbangan baru dalam gambar rajah yang sama dalam (b), [2]

(iii) hitung perubahan lebihan pengguna yang berlaku. [2]

3 Jadual di bawah menunjukkan hubungan antara keluaran dengan jumlah kos sebuah firma persaingan sempurna.


<i>Jumlah keluaran</i> (unit)	<i>Jumlah kos</i> (RM)
0	20
1	50
2	70
3	80
4	100
5	130
6	180
7	245
8	320

- (a) Tentukan kos tetap firma ini. [1]
- (b) Hitung kos berubah purata dan kos sut bagi setiap tingkat keluaran. [4]
- (c) Sekiranya harga barang ialah RM50.00 per unit,
- (i) berapakah kuantiti keluaran firma ini pada tingkat keseimbangan? [1]
 - (ii) hitung jumlah keuntungan yang diperoleh. [2]
- (d) Berapakah harga paling rendah yang membolehkan firma terus beroperasi dalam pasaran dan mengapa? [2]

Graf

Jika kertas graf ini digunakan untuk menjawab sesuatu soalan, kertas graf ini mestilah diserahkan bersama-sama dengan kertas jawapan anda.

Nombor kad pengenalan: Nombor pusat/angka giliran:



Sila koyakkan di sepanjang garis putus-putus ini.

HALAMAN KOSONG

KERTAS SOALAN CONTOH

944/2

STPM

EKONOMI

KERTAS 2

(Dua jam)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab semua soalan dalam Bahagian A, empat soalan Bahagian B, dan dua soalan Bahagian C.

Ada dua puluh soalan dalam Bahagian A. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang betul dan tandakan jawapan itu pada Borang Jawapan Aneka Pilihan yang berasingan. Baca arahan pada Borang Jawapan Aneka Pilihan itu dengan teliti.

Gunakan helaian jawapan yang berasingan bagi tiap-tiap Bahagian B dan C.

Tunjukkan semua penghitungan dan berikan jawapan anda betul hingga dua tempat perpuluhan.

Markah untuk soalan atau bahagian soalan dalam Bahagian B dan C diberikan dalam tanda kurung [].

Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak dan halaman kosong.

© Majlis Peperiksaan Malaysia

Bahagian A
[20 markah]

Jawab semua soalan dalam bahagian ini.

- 1 Yang manakah merupakan isu makroekonomi?
 - A Kekurangan penawaran pekerjaan
 - B Kekurangan minyak masak di seluruh negara
 - C Peningkatan kadar cukai import terhadap rokok
 - D Pemberian subsidi minyak kepada pemilik kenderaan


- 2 Yang manakah yang diambil kira dalam penghitungan pendapatan negara mengikut kaedah keluaran?
 - A Eksport bersih
 - B Pelaburan swasta
 - C Pengeluaran padi
 - D Royalti petroleum

- 3 Jadual di bawah menunjukkan data keluaran negara sebuah ekonomi.

<i>Butiran</i>	<i>RM juta</i>
Keluaran dalam negeri kasar harga pasaran	6450
Keluaran dalam negeri kasar kos faktor	5050
Keluaran negara bersih	5900
Susut nilai	350


- Berapakah jumlah keluaran negara kasar harga pasaran?
- A RM6250 juta
 - B RM6450 juta
 - C RM6800 juta
 - D RM7650 juta
-
- 4 Dalam penghitungan pendapatan negara Malaysia mengikut kaedah keluaran, mengapakah cukai import perlu ditambah untuk mendapatkan nilai keluaran dalam negeri kasar harga pasaran?
 - A Terdapat input yang diimport yang dikenakan cukai.
 - B Nilai cukai import telah mengurangkan nilai keluaran.
 - C Terdapat barang penggunaan yang diimport dikenakan cukai.
 - D Cukai import adalah cukai tak langsung yang belum dikira dalam penghitungan.

- 5 Yang manakah **bukan** merupakan syarat keseimbangan pendapatan negara?
- A Pendapatan negara sama dengan perbelanjaan agregat.
 - B Pendapatan negara sama dengan perbelanjaan penggunaan tambah cukai tambah tabungan.
 - C Tabungan tambah cukai sama dengan perbelanjaan pelaburan tambah perbelanjaan kerajaan.
 - D Tabungan tambah cukai tambah import sama dengan perbelanjaan pelaburan tambah perbelanjaan kerajaan tambah eksport.
- 6 Gambar rajah di bawah menunjukkan perbelanjaan agregat (AE) dalam ekonomi tiga sektor.



Jika PQ adalah lompong inflasi sebanyak RM300 juta, berapakah pendapatan negara pada tingkat Y_f ?


- A RM900 juta
 - B RM1000 juta
 - C RM1700 juta
 - D RM2000 juta
- 7 Gambar rajah di bawah menunjukkan keluk fungsi suntikan dan keluk fungsi bocoran bagi sebuah ekonomi.



Berapakah imbalan perdagangan ekonomi tersebut?

- A Lebihan sebanyak QR
- B Lebihan sebanyak QS
- C Defisit sebanyak RS
- D Defisit sebanyak PT

8 Gambar rajah di bawah menunjukkan keseimbangan pendapatan negara ekonomi tiga sektor.



Jumlah perbelanjaan penggunaan (C) pada tingkat keseimbangan pendapatan negara ialah

- A RM2100 juta
 - B RM2130 juta
 - C RM2180 juta
 - D RM1880 juta
- 9 Andaikan sebuah ekonomi yang sedang mengalami jurang KNK sebanyak RM800 juta. Sekiranya kecenderungan mengguna sut ialah 0.75, yang manakah antara berikut dapat mengatasi masalah tersebut?
- A Menurunkan cukai sebanyak RM200 juta
 - B Menurunkan cukai sebanyak RM800 juta
 - C Meningkatkan perbelanjaan kerajaan sebanyak RM200 juta
 - D Meningkatkan perbelanjaan kerajaan sebanyak RM800 juta
- 10 Keluk permintaan agregat akan beralih ke kanan jika
- A tingkat harga meningkat
 - B penawaran wang berkurang
 - C permintaan wang meningkat
 - D cukai pendapatan dikurangkan
- 11 Pertambahan penawaran wang pada satu tingkat harga akan menyebabkan
- A penawaran agregat bertambah
 - B permintaan agregat bertambah
 - C permintaan agregat berkurang
 - D penawaran agregat bertambah

12 Jadual di bawah menunjukkan proses penciptaan wang dalam sebuah ekonomi.

<i>Bank perdagangan</i>	<i>Deposit semasa (RM)</i>	<i>Rizab tunai (RM)</i>
<i>A</i>	10 000	2000
<i>B</i>	8000	1600
<i>C</i>	6400	1280
.	.	.
.	.	.
.	.	.

Berapakah jumlah rizab yang dicipta oleh sistem bank jika deposit semasa awal ialah RM10 000?

- A RM2000
 - B RM4880
 - C RM6400
 - D RM10 000
- 13 Mengikut Teori Keutamaan Kecairan Keynes, peningkatan penawaran wang akan menyebabkan
- A kadar bunga turun, simpanan turun, dan permintaan agregat menurun
 - B kadar bunga turun, pelaburan meningkat, dan permintaan agregat meningkat
 - C kadar bunga meningkat, pelaburan meningkat, dan permintaan agregat meningkat
 - D kadar bunga turun, simpanan dan pelaburan meningkat, dan permintaan agregat meningkat
- 14 Yang manakah merupakan fungsi bank pusat sebagai jurubank kepada bank perdagangan?
- A Sumber pinjaman terakhir
 - B Mengawasi kegiatan pasaran pertukaran asing
 - C Mengawasi kegiatan bank melalui dasar kewangan
 - D Memberi nasihat kewangan kepada bank perdagangan
- 15 Pelaksanaan dasar kewangan mengembang **tidak** berkesan terhadap output sekiranya
- A kadar inflasi yang rendah
 - B berlaku perangkap kecairan
 - C pelaburan sensitif terhadap kadar bunga
 - D mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan
- 16 Yang manakah **bukan** alasan bagi menjalankan perdagangan antarabangsa?
- A Mempelbagaikan kegiatan ekonomi
 - B Mempelbagaikan penggunaan barang
 - C Memperoleh barang yang tidak dikeluarkan
 - D Meningkatkan kecekapan penggunaan faktor pengeluaran

17 Jadual di bawah menunjukkan jumlah pakaian atau beras yang boleh dikeluarkan oleh negara *P* dan negara *Q*.

<i>Negara</i>	<i>Pakaian</i> (helai)	<i>Beras</i> (kilogram)
Negara <i>P</i>	500	1500
Negara <i>Q</i>	600	2400

Berdasarkan maklumat yang diberi, boleh dibuat kesimpulan bahawa

- A negara *Q* memperoleh faedah berbanding dalam pengeluaran beras
- B negara *Q* memperoleh faedah berbanding dalam pengeluaran pakaian
- C negara *Q* memperoleh faedah berbanding dalam pengeluaran kedua-dua barang
- D negara *P* memperoleh faedah berbanding dalam pengeluaran kedua-dua barang

18 Defisit imbalan pembayaran dapat dikurangkan melalui

- A kemasukan pelajar asing
- B kemasukan pekerja asing
- C perpindahan teknologi asing
- D perkhidmatan perkapalan asing meningkat

19 Andaikan bahawa kadar pertukaran mata wang antara Ringgit Malaysia (RM) dengan Dolar Singapura (S\$) berubah daripada $RM1.00 = S\$0.38$ kepada $RM1.00 = S\$0.47$. Ini bermakna

- A nilai mata wang Malaysia telah merosot
- B nilai mata wang Singapura telah merosot
- C barangan buatan Malaysia bertambah murah di Singapura
- D lebih banyak rakyat Singapura yang akan melancong ke Malaysia

20 Jadual di bawah menunjukkan data imbalan pembayaran bagi sebuah negara.

<i>Butiran</i>	<i>Nilai (RM juta)</i>
Eksport barangan	12 500
Import barangan	10 000
Perkhidmatan bersih	-1500
Pendapatan	-500
Bayaran pindahan bersih	-250
Aliran modal jangka panjang	4000
Aliran modal jangka pendek	-1250

Imbalan akaun semasa ialah

- A -RM1000 juta
- B RM250 juta
- C RM500 juta
- D RM3000 juta

Bahagian B
[40 markah]

Jawab empat soalan sahaja

- 1** “Ekonomi negara ini sedang menghadapi kemelesetan, bilangan pekerja yang hilang pekerjaan meningkat, dan harga umum terus meningkat; ini adalah satu masalah besar yang dihadapi kerajaan.” Berdasarkan pernyataan ini,
- (a) terangkan **dua** masalah ekonomi yang dirujuk, [4]
 - (b) jelaskan mengapa masalah ini perlu ditangani. [6]
- 2** Terangkan kegunaan data pendapatan negara dalam aspek berikut:
- (a) Alat pengukur perubahan struktur ekonomi sesebuah negara. [5]
 - (b) Alat pengukur perubahan taraf hidup penduduk sesebuah negara. [5]
- 3** Dengan bantuan gambar rajah permintaan agregat-penawaran agregat (*AD-AS*), terangkan kesan perkara berikut terhadap harga dan pendapatan negara.
- (a) Kerajaan menjual bon dalam pasaran terbuka. [5]
 - (b) Kejadian tsunami dan gempa bumi telah menjejaskan produktiviti pengeluaran. [5]
- 4** Dengan bantuan gambar rajah, terangkan bagaimana pengurangan penawaran wang boleh mempengaruhi pendapatan negara. [10]
- 5** (a) Apakah maksud *devaluasi*? [2]
- (b) Bagaimanakah devaluasi dapat mengurangkan masalah defisit akaun semasa dalam imbalan pembayaran? [8]
- 6** (a) Apakah maksud *sekatan perdagangan antarabangsa*? [2]
- (b) Huraikan **empat** tujuan mengapa sesebuah negara dikenakan sekatan perdagangan antarabangsa. [8]

Bahagian C
[20 markah]

Jawab **dua** soalan sahaja.

1 Maklumat berikut menunjukkan data perbelanjaan agregat sebuah negara (RM juta).

$$C = 100 + 0.75Y_d,$$

$$I = 200,$$

$$G = 250,$$

$$T = 100,$$

dengan

C = perbelanjaan penggunaan,

I = perbelanjaan pelaburan,

G = perbelanjaan kerajaan,

T = cukai.

- (a) (i) Hitung pendapatan negara pada tingkat keseimbangan. [2]
(ii) Berapakah nilai pengganda? [1]
- (b) Sekiranya pendapatan negara pada tingkat guna tenaga penuh ialah RM3000 juta,
(i) hitung jurang KNK, [1]
(ii) berapakah perubahan perbelanjaan kerajaan yang diperlukan untuk mencapai pendapatan negara pada tingkat guna tenaga penuh? [2]
(iii) lukis gambar rajah yang menunjukkan keseimbangan pendapatan negara berdasarkan jawapan (a)(i) dan (b)(ii), [2]
(iv) berapakah perubahan cukai yang diperlukan untuk mencapai pendapatan negara pada tingkat guna tenaga penuh? [2]

2 Jadual di bawah menunjukkan kunci kira-kira sebuah bank perdagangan dalam ekonomi.

Aset (RM juta)		Liabiliti (RM juta)	
Rizab dan wang tunai	11 0000	Deposit semasa	38 5000
Pinjaman	27 5000		
	38 5000		38 5000

- (a) Apakah maksud *rizab tunai minimum* dan *rizab berkanun*? [2]
- (b) Sekiranya nisbah rizab berkanun ialah 20%,
(i) berapakah lebih rizab bank ini? [2]
(ii) bina kunci kira-kira selepas semua lebih rizab dipinjamkan, [2]
(iii) berapakah jumlah pinjaman yang boleh diciptakan oleh bank perdagangan sebelum dan selepas semua lebih rizab dipinjamkan? [3]
- (c) Nyatakan **dua** faktor yang menghadkan proses penciptaan kredit. [1]

3 Jadual di bawah menunjukkan data kadar pertukaran asing Singapura dengan Malaysia dan haluan perdagangan Singapura dengan Malaysia dari tahun 1996 hingga tahun 1999.

<i>Tahun</i>	<i>Kadar pertukaran asing bagi \$100</i>	<i>Eksport (RM juta)</i>	<i>Import (RM juta)</i>
1996	180.66	40 287	26 348
1997	232.00	44 352	28 944
1998	228.79	48 672	30 938
1999	228.09	53 106	34 817

(Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, *Laporan Ekonomi*, 2000/2001)

- (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan *kadar pertukaran asing*? [1]
- (ii) Berapakah dolar Singapura yang boleh dibeli dengan RM1000 pada tahun 1999? [1]
- (iii) Huraikan arah aliran kadar pertukaran asing Ringgit Malaysia dengan Dolar Singapura bermula dari tahun 1997. [2]
- (b) (i) Apakah maksud *eksport bersih*? [1]
- (ii) Hitung eksport bersih Malaysia dari tahun 1996 hingga tahun 1999. [2]
- (iii) Huraikan arah alirannya. [1]
- (iv) Huraikan kesan pertukaran asing terhadap eksport bersih. [2]


HALAMAN KOSONG

Graf

Jika kertas graf ini digunakan untuk menjawab sesuatu soalan, kertas graf ini mestilah diserahkan bersama-sama dengan kertas jawapan anda.

Nombor kad pengenalan: Nombor pusat/angka giliran:

Sila koyakkan di sepanjang garis putus-putus ini.



HALAMAN KOSONG

KERTAS SOALAN CONTOH

944/3

STPM

EKONOMI

KERTAS 3

(Satu jam)

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab lima soalan dalam Bahagian A dan satu soalan Bahagian B.

Gunakan helaian jawapan yang berasingan bagi tiap-tiap Bahagian A dan B.

Tunjukkan semua penghitungan dan berikan jawapan anda betul hingga dua tempat perpuluhan.

Markah untuk soalan atau bahagian soalan dalam Bahagian A dan B diberikan dalam tanda kurung [].

Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak.

© Majlis Peperiksaan Malaysia

Bahagian A
[30 markah]

Jawab **lima** soalan sahaja.

- 1 (a) Terangkan maksud *pengangguran kitaran*. [2]
(b) Terangkan **dua** cara bagaimana masalah pengangguran kitaran dikurangkan. [4]
- 2 (a) Terangkan maksud *kadar inflasi*. [2]
(b) Huraikan bagaimana kenaikan harga import mempengaruhi inflasi. [4]
- 3 Terangkan **tiga** cara bagaimana kerajaan mengawal import. [6]
- 4 (a) Terangkan maksud *perusahaan kecil dan sederhana*. [2]
(b) Huraikan **dua** cara untuk membantu usahawan kecil dan sederhana di Malaysia. [4]
- 5 (a) Terangkan maksud *perantara kewangan*. [2]
(b) Terangkan secara ringkas bagaimana bank perdagangan melaksanakan fungsi perantara kewangan. [4]
- 6 (a) Terangkan maksud *kemiskinan*. [2]
(b) Huraikan secara ringkas cara mengukur kadar kemiskinan. [4]

Bahagian B
[10 markah]

Jawab satu soalan sahaja.

1 Jadual di bawah menunjukkan guna tenaga mengikut sektor dan tenaga buruh di Malaysia pada tahun 1989 dan 1996.

<i>Butiran</i>	<i>Tahun</i>	
	<i>1989</i>	<i>1996</i>
Guna tenaga mengikut sektor:		
Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	1833.0	1426.6
Perlombongan dan Kuari	33.0	41.6
Perkilangan	1171.0	2110.7
Pembinaan	377.0	673.6
Kewangan, Insurans, Perkhidmatan Perdagangan dan Harta benda	253.0	377.4
Pengangkutan, Penyimpanan dan Perhubungan	278.0	407.6
Perkhidmatan Kerajaan	847.0	876.4
Perkhidmatan-perkhidmatan lain	1598.0	2132.2
Tenaga buruh	66 850.0	8277.6

(Sumber: *Bank Negara Malaysia*)

- (a) Hitung jumlah guna tenaga di Malaysia pada tahun 1989 dan 1996. [2]
- (b) Hitung peratus pertambahan guna tenaga daripada tahun 1989 ke tahun 1996. [2]
- (c) Hitung sumbangan sektor pertama dan sektor kedua kepada guna tenaga bagi tahun 1989 dan 1996. [4]
- (d) Hitung kadar pengangguran di Malaysia pada tahun 1989 dan 1996. [2]

2 Jadual di bawah menunjukkan pendapatan isi rumah kasar bulanan purata berdasarkan kumpulan etnik dan strata pada tahun 2004 dan 2007.

<i>Kumpulan Etnik dan Strata</i>	<i>Pendapatan Nominal (RM)</i>	
	<i>2004</i>	<i>2007</i>
Bumiputra	2711	3156
Cina	4437	4853
India	3456	3799
Lain-lain	2312	3651
Malaysia	3249	3686
Bandar	3956	4356
Luar Bandar	1875	2283

(Sumber: Rancangan Malaysia dan Kajian Separuh Penggal Ke-9)

(a) Hitung nisbah jurang pendapatan tahun 2007 antara

- (i) bumiputera dengan etnik Cina,
- (ii) bumiputera dengan etnik India.

Kaitkan jawapan tersebut dengan kemiskinan antara etnik di Malaysia. [4]

(b) Hitung kadar pertumbuhan pendapatan tahunan purata isi rumah di bandar dan luar bandar bagi tahun 2004 hingga 2007. [2]


(c) Walaupun kadar kemiskinan dan bilangan isi rumah miskin di kawasan luar bandar semakin berkurang, namun kemiskinan masih ketara sebagai fenomena luar bandar.

- (i) Nyatakan **dua** faktor yang menyebabkan kemiskinan luar bandar. [2]
- (ii) Terangkan **satu** cara bagaimana kerajaan menerusi dasar pembangunannya dapat mengurangkan kemiskinan di luar bandar. [2]

Graf

Jika kertas graf ini digunakan untuk menjawab sesuatu soalan, kertas graf ini mestilah diserahkan bersama-sama dengan kertas jawapan anda.

Nombor kad pengenalan: Nombor pusat/angka giliran:



Sila koyakkan di sepanjang garis putus-putus ini.

HALAMAN KOSONG

KERTAS SOALAN CONTOH

944/4

STPM

EKONOMI

KERTAS 4

**KERJA KURSUS
(KERJA PROJEK)**

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
(MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL)

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

Arahan kepada calon:

1. Kerja kursus **WAJIB** dilaksanakan oleh semua calon STPM sebagai sebahagian komponen pentaksiran penggal ketiga.
2. Kerja kursus ini mengandungi satu tugas. Semua calon mesti menyerahkan tugas tersebut untuk dinilai.
3. Calon juga mesti melaksanakan semua aspek berkaitan kerja kursus seperti yang ditetapkan.

Kertas soalan ini terdiri daripada halaman bercetak.

© Majlis Peperiksaan Malaysia

*Calon dikehendaki melaksanakan **kerja projek** ini.*

Pilih **satu** daripada tema di bawah ini, dan sediakan kerja projek yang tidak melebihi 25 muka surat (tidak termasuk lampiran).

- 1 Pemasaran dan masalah yang dihadapi perusahaan kecil dan sederhana.
- 2 Peranan institusi kewangan bukan bank.